

## **PERMASALAHAN PENDATANG ASING TANPA IZIN DI MALAYSIA DARI ASPEK SOSIAL DAN PERUNDANGAN**

### ***(Problems Pertaining to the Social and Legal Aspects of Illegal Immigrants in Malaysia)***

*Rusniah Ahmad*

rusniah@uum.edu.my

*Mohamed Naiem Ajis*

naiem@uum.edu.my

*Saadon Awang*

saadon@uum.edu.my

Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,  
Universiti Utara Malaysia,  
06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, MALAYSIA.  
Tel.: +604-9284298.

#### **Abstrak**

Makalah ini menyingkap masalah yang timbul hasil daripada trend migrasi yang berlaku di Malaysia. Peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) menimbulkan pelbagai masalah dalam negara dari aspek sosial dan perundangan yang harus diberikan perhatian serius oleh pihak berkuasa. Pihak kerajaan terutamanya telah melakukan pengawalan strategik untuk menangani isu PATI di Malaysia agar mereka dapat diuruskan dengan cara yang lebih efisien. Antaranya termasuklah mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing, meningkatkan kerjasama dengan negara sumber dan juga pihak yang relevan dengan masalah ini. Tumpuan terhadap tindakan penguatkuasaan tegas patut dijalankan di kawasan sempadan negara secara dua hala, dan juga mengenakan hukuman yang berat mengikut lunas undang-undang terhadap kesalahan berkaitan dengan PATI, tanpa mengira sama ada mereka terdiri daripada pendatang asing ataupun warganegara Malaysia.

Kata kunci: aspek sosial, migrasi, perundangan, PATI, penguatkuasaan,

#### ***Abstract***

*This article will discuss the problems arising from migration trends in Malaysia. The rising number of illegal immigrants has become an acute problem from both social and legal points of view, and must be given due attention by the authorities. The government has begun taking steps to deal with the issue of illegal immigrants in a more efficient manner. Among these*

*is decreasing dependence on foreign workers, and increasing cooperation with sourcing countries, as well as other related parties. Attention should be given to strict two way enforcement at the border areas and the imposition of stringent punishment in accordance with the law for offences relating to illegal immigrants, notwithstanding whether they are illegal immigrants or Malaysian citizens.*

*Keywords: social aspect, migration, illegal immigrants, legislation, enforcement*

## **PENDAHULUAN**

Migrasi merupakan suatu fenomena tradisi di Malaysia. Fenomena ini menjadi sebahagian daripada proses pembangunan ekonomi dan sosial bagi masyarakat terdahulu. Dalam konteks sejarah, Malaysia telah menerima pekerja asing sejak awal abad ke-20, apabila kerajaan kolonial Inggeris memperkenalkan dasar imigrasi liberal. Akibat daripada dasar tersebut, ramai pekerja asing terutamanya dari China, India dan Indonesia dibawa masuk dalam sektor perladangan, pembinaan, perlombongan dan pentadbiran (Hugo, 1993). Malaysia menjadi negara penyumbang dan penerima pekerja asing bukan sahaja di rantau Asia Tenggara bahkan di dunia, dengan menyumbangkan pekerja mahir dan mengimport pekerja kurang mahir. Namun begitu, kebanyakan pekerja Malaysia yang bekerja di luar negara dalam jangka panjang, manakala pekerja asing di Malaysia lebih kepada pekerja kontrak atau sementara (Kanopathy, 2006).

Perkembangan dan kemajuan ekonomi sesebuah negara akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bukan sahaja kepada penduduk tempatan tetapi kepada masyarakat luar. Malaysia, yang bilangan penduduknya sekitar 27 juta merupakan antara negara yang pesat perkembangan ekonominya di Asia Tenggara. Keadaan ini menjadikannya sebagai tempat tumpuan untuk mencari pekerjaan. Ledakan globalisasi yang semakin rancak mengakibatkan setiap negara mengamalkan dasar buka pintu, menerima kemasukan pekerja asing. Castells (1997) berpendapat bahawa kekayaan, teknologi dan kuasa antarabangsa telah mengakibatkan masyarakat dunia mengalami perubahan yang pesat. Era globalisasi dan informasi dunia telah meningkatkan integrasi ekonomi, dan kerajaan menghadapi masalah untuk mengawal kawasan sempadan mereka sendiri.

Kemasukan pendatang asing terutama yang tidak sah dilihat dapat mewujudkan masalah politik apabila faedah daripada migrasi tersebut tidak dikongsi bersama dengan entiti yang wujud di sesebuah negara penerima.

Kanapathy (2008) mengatakan bahawa pengurusan migrasi merupakan sesuatu tanggungjawab yang kompleks dan mempunyai cabaran yang tinggi, ditambah dengan faktor keadaan geopolitik dan budaya yang amat menyukarkan pihak berkuasa untuk mengawal pengaliran warga asing terutama pendatang asing tanpa izin.

Dengan perkembangan aktiviti industri dan ekonomi yang pesat di Malaysia, penerimaan kemasukan pekerja asing merupakan sesuatu yang sukar dielakkan. Tambahan, pula kekurangan sumber tenaga kerja tempatan bagi sektor tertentu menyebabkan peluang tersebut terbuka kepada pekerja asing. Yang lebih membimbangkan ialah tarikan tersebut telah menyebabkan berlakunya peningkatan terhadap jumlah pekerja asing tanpa izin di Malaysia. Kemasukan pendatang asing yang banyak dan tidak dikawal akan mewujudkan kesan sehingga mengancam kepentingan negara penerima. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menggubal dan melaksanakan pelbagai pendekatan untuk mengatasi pelbagai masalah yang wujud akibat kemasukan pendatang asing. Pendekatan yang telah diperkenalkan oleh kerajaan berbentuk penggubalan dasar dan peraturan melalui kerjasama agensi yang berkaitan dengan negara pengeksport serta kerjasama ASEAN.

## **MASALAH PATI DI MALAYSIA**

Migrasi merupakan suatu proses dinamik yang berkaitan dengan liberalisasi ekonomi pasaran, penawaran buruh asing dan dasar migrasi yang tidak konsisten terutama oleh negara penerima. Keadaan ini telah mengakibatkan situasi migrasi yang tidak dapat dikawal dan hal ini telah menjadi lebih buruk dengan kedatangan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke sesebuah negara (Shuto, M., 2006). Di Malaysia, kemasukan pendatang asing yang tidak dikawal dan berterusan telah menjadi isu yang kritikal untuk ditangani oleh kerajaan. Sejak beberapa tahun lalu, jumlah pendatang asing yang bekerja telah dianggarkan seramai 2.3 juta orang atau 23 peratus daripada pekerja yang ada di Malaysia. Daripada jumlah tersebut dianggarkan hampir separuh daripadanya merupakan PATI yang telah menggunakan pelbagai saluran untuk masuk ke Malaysia. Jumlah kemasukan yang banyak ini bertujuan memenuhi keperluan tenaga buruh dalam sektor tertentu seperti perladangan, pembinaan, perkhidmatan dan pembuatan. Kebanyakan pendatang asing yang bekerja di Malaysia terdiri daripada pekerja separa mahir dan tidak mahir. Mereka datang dari negara yang mengalami lebihan penawaran buruh

seperti Indonesia, Filipina, Bangladesh, Vietnam dan Kemboja (Lin Mei, 2006; Ramasamy, 2004 dan Weiner, 1990).

Oleh sebab perkembangan ekonomi dan aktiviti pembangunan yang berkembang pesat di Malaysia, permintaan terhadap tenaga buruh juga meningkat dan keadaan ini telah mengubah struktur pasaran tenaga buruh secara signifikan. Perkaitan antara aspek pembangunan di sesebuah negara dengan proses migrasi menjadi sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Menurut Appleyard (1989) perubahan pengaliran migrasi bergantung pada struktur ekonomi sesebuah negara. Dasar migrasi bagi kedua-dua negara penerima dan penghantar, dan jumlah serta komposisi migrasi yang wujud memberikan impak kepada tahap pembangunan sosioekonomi. Oleh itu, permintaan tenaga kerja meningkat. Peningkatan ini bergantung pada perkembangan ekonomi berdasarkan rancangan pembangunan nasional yang dilakukan oleh kerajaan di negara penerima.

Perkembangan ekonomi Malaysia pesat terutama antara tahun 1970-an hingga 1990-an. Transisi ekonomi daripada pertanian kepada industri telah berlaku. Pada tempoh tersebut ekonomi Malaysia menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan dengan kadar purata 6.7 peratus setahun. Dalam tempoh antara tahun 1991 hingga 1995 perkembangan ekonomi Malaysia pada paras 8.4 peratus, iaitu lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan oleh negara, iaitu 7.0 peratus. Perkembangan ini mengakibatkan kemasukan pekerja asing yang pada asalnya dihadkan untuk sektor pembinaan dan pertanian telah merebak ke sektor lain seperti pembuatan dan perkhidmatan. Sesetengah sektor seperti restoran, hotel, pembantu rumah, pembantu jualan dan pekerja keselamatan juga telah dikuasai oleh pekerja asing, yang sepatutnya dapat diisi oleh pekerja tempatan (AHM Zehadul *et al.*, 1999:27). Namun begitu, kegawatan ekonomi yang berlaku pada 1999 telah menyebabkan tangkapan terhadap PATI telah meningkat kepada 12 372 daripada 8499 pada tahun 1998. Peningkatan PATI pada tempoh tersebut menunjukkan langkah yang lebih tegas diambil oleh kerajaan dengan mengenakan peraturan yang ketat bagi pengambilan pekerja asing.

Kemasukan pendatang asing terutama secara tidak sah telah mengundang pelbagai masalah yang mengancam kesejahteraan dan kepentingan awam. Mereka terlibat dalam aktiviti jenayah seperti merompak, membunuh, meragut, pecah rumah, penyeludupan, dan pengedaran dadah. Kementerian Dalam Negeri pernah mengumumkan bahawa seramai 14 809 daripada 37 446 banduan di Malaysia merupakan pendatang asing yang kebanyakannya terdiri daripada PATI.

Jumlah ini dikatakan telah melebihi 28 peratus daripada kapasiti yang dapat ditanggung oleh penjara di Malaysia (Wan Marzuki, 2008). Tambahan pula, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM11.6 juta pada tahun 2008 terhadap 60 800 pendatang asing yang kebanyakannya PATI dan setiap mereka yang ditahan di depot tahanan memerlukan perbelanjaan sebanyak RM30 sehari. Kos ini hanya melibatkan pengurusan harian dan tidak termasuk kos kesihatan (*Utusan Malaysia*, 3 April 2009). Di samping itu, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM30.2 juta untuk menampung kos pengusiran 154 729 PATI bagi tempoh tiga tahun sejak tahun 2007. Menurut Kementerian Dalam Negeri, pecahan perbelanjaan tersebut meliputi RM8.7 juta kos bagi mengusir 28 849 PATI pada tahun 2009, RM11.7 juta untuk 60 800 PATI pada tahun 2008 dan RM9.8 juta untuk 65 080 PATI pada tahun 2007 (*Utusan Malaysia*, 11 Disember 2009). Situasi ini dilihat bukan sahaja mengancam kesejahteraan negara tetapi memberikan bebanan kepada kerajaan terutama untuk menanggung kos pengurusan PATI di Malaysia.

Mengikut seksyen 55E (7) Akta Imigresen 1959/63 pendatang asing tanpa izin (PATI) ialah mana-mana orang, selain warganegara, yang menyalahi seksyen 5, 6, 8, 9 dan 15 Akta tersebut atau Peraturan 39, Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Secara umumnya keselamatan negara boleh didefinisikan sebagai pengurusan sesuatu ancaman agar kebebasan dapat ditegakkan atau pencegahan tindakan atau perbuatan orang lain. Keselamatan negara adalah penting kepada sesebuah negara untuk menyokong matlamat kerajaan yang memerintah dan memenuhi agenda pembangunan untuk kebajikan rakyat. Maksud ini seiring dengan makna yang ditakrifkan oleh Arnold Wolfers (1962), iaitu keselamatan negara secara objektifnya membawa erti ketiadaan ancaman terhadap nilai yang dibina dan secara subjektifnya bermakna ketiadaan ketakutan terhadap ancaman tersebut. Oleh itu, keselamatan negara merupakan suatu konsep yang luas merangkumi ketenteraman awam, keharmonian sesama agama dan kaum, kekukuhan ekonomi, kebajikan sosial, kestabilan politik dan tadbir urus yang baik. Konsep ini juga patut diselarikan dengan perubahan masa kini dan perkembangan baharu terhadap makna keselamatan, iaitu merangkumi keselamatan siber dan juga keselamatan makanan. Oleh itu, kehadiran PATI termasuk dalam makna ancaman terhadap keselamatan negara yang perlu diberikan perhatian yang serius.

Kehadiran PATI juga mengancam aspek sosial negara, terutamanya aspek kesihatan. Terdapat dalam kalangan PATI yang bekerja di Malaysia tidak melalui pemeriksaan kesihatan yang ditetapkan, akibatnya telah membawa

bersama-sama penyakit yang berjangkit. Kebanyakan pekerja asing datang dari negara mundur yang mempunyai tahap pengawalan kesihatan yang rendah. Pada tahun 1992, kerajaan telah mengumumkan bahawa 30 peratus daripada 337 ribu pekerja asing telah dijangkiti HIV. Kerajaan telah mengeluarkan peraturan supaya setiap pekerja asing yang ingin bekerja perlu melalui dua proses pemeriksaan kesihatan, iaitu yang dilaksanakan di negara asal dan juga di Malaysia (*New Straits Times*, 30 Julai 1992).

Di samping itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah mendedahkan bahawa 80 peratus pekerja asing di sektor perladangan telah dikesan sebagai pembawa virus HIV. Berdasarkan analisis dan pemerhatian Agensi Dadah Kebangsaan (AADK), kebanyakan kes HIV dalam kalangan pekerja asing di sektor perladangan disebabkan oleh penyalahgunaan dadah dan bukannya aktiviti seksual (*Utusan Malaysia*, 2 Mei 2008). Tambahan pula, kebanyakan PATI wanita yang ditahan telah terlibat dengan aktiviti pelacuran dengan bekerja di rumah urut, rumah pelacuran dan pusat hiburan di bandar-bandar besar. Sebahagian mereka yang ditahan mempunyai permit kerja dan pas lawatan sosial yang sah tetapi akhirnya terlibat dengan aktiviti tidak sihat. Oleh itu, kerajaan telah memberikan amaran bahawa pelibatan PATI dalam aktiviti pelacuran akan meningkatkan kadar penghidap HIV di Malaysia (*Utusan Malaysia*, 2 Februari 2002).

Kehadiran PATI juga mendatangkan masalah yang berkaitan dengan isu kewarganegaraan. Dalam Perlembagaan Malaysia ada menjelaskan tentang perkara yang berkaitan dengan kewarganegaraan termasuklah status warganegara, kelayakan sebagai warganegara dan prosedur untuk memohon kewarganegaraan. Namun begitu, terdapat PATI yang telah berjaya memperoleh dokumen pengenalan diri daripada sindiket haram. Mereka hanya diminta membayar jumlah tertentu untuk mendapatkan pengenalan diri palsu. Bahkan, terdapat sebahagian PATI yang berjaya memperoleh kad pengenalan biru, iaitu yang dikhaskan kepada warganegara Malaysia sahaja (AHM Zehadul *et al.*, 1999:77).

Pada tahun 2008, kerajaan telah berjaya menumpaskan cubaan seorang PATI di Sabah yang telah menggunakan kad pengenalan diri palsu untuk memohon menjadi anggota tentera. Keadaan ini dilihat sangat membimbangkan kerana melibatkan kedaulatan Malaysia dan mengancam keselamatan negara (*Berita Harian*, 14 Mei 2008).

Pendatang asing merupakan salah satu elemen ancaman keselamatan yang perlu diberikan perhatian sejak selepas Perang Dingin. Migrasi antarabangsa dapat memberikan kesan kepada keselamatan antarabangsa apabila lambakan pendatang asing yang tidak dikawal mengakibatkan tahap

keselamatan negara diancam dengan pelbagai bentuk ancaman keselamatan yang baharu seperti hak asasi manusia, konflik etnik, sosial dan budaya, demografi, ekonomi dan lain-lain (Kicinger, 2004).

Oleh itu, kehadiran PATI secara berterusan ternyata mendatangkan pelbagai masalah dan memberikan ancaman kepada keselamatan negara. Ancaman keselamatan yang dimaksudkan tidak terhad dari aspek jenayah semata-mata, malah kehadiran PATI memberikan impak kepada aspek kualiti kehidupan, sosial, budaya, kesedaran kesihatan, hubungan politik, ekonomi dan lain-lain lagi. Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Chor Chee Heung, pernah membangkitkan isu impak kemasukan pekerja asing terutama dari Indonesia terhadap keselamatan negara di Parlimen. Beliau menganggap walaupun keadaan mereka masih terkawal tetapi kerajaan perlu memberikan perhatian kepada isu PATI secara serius kerana hal ini boleh menggugat keselamatan negara (Liow, J.C, 2007).

Sementara itu, kerajaan juga telah melakukan pelbagai usaha bagi membanteras kehadiran PATI di Malaysia. Kementerian Dalam Negeri telah menegaskan bahawa usaha membendung kebanjiran PATI akan dilakukan secara holistik dengan menjurus aspek pembentukan saringan awal yang komprehensif sebagai syarat prosedur kemasukan. Tambahan pula, isu PATI perlu dilihat dalam konteks yang besar dan tidak menjurus kepada sesuatu kategori warga asing sahaja sama ada pekerja, pelancong atau pelajar (*Utusan Malaysia*, 16 Januari 2010).

Pihak kementerian telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan rangkaian kerjasama dengan negara luar, terutamanya negara asal warga asing ini. Kehadiran PATI secara berterusan mendatangkan implikasi terutama kepada negara penerima seperti Malaysia terhadap masalah yang akan timbul. Masalah tersebut akan mengancam keselamatan negara jika tidak dikawal. Tindakan drastik perlu diambil oleh pihak kerajaan supaya jenayah rentas sempadan dapat dikawal dengan berkesan. Oleh sebab itu, kita perlu mengetahui isu sosial yang wujud daripada fenomena kemasukan PATI ke Malaysia supaya dapat diseimbangkan dengan tahap pembangunan negara.

## **PERUNDANGAN DAN POLISI NEGARA TERHADAP PENDATANG ASING TANPA IZIN**

Sejak tahun 2006 Wawasan 2020 yang merupakan program kebangsaan telah menyasarkan negara mencapai status negara maju pada tahun 2020. Pihak kerajaan telah mengimplimentasikan Rancangan Malaysia ke-9 (2006-2010)

sebagai program pembangunan lima tahun untuk menghadapi dengan lebih gigih cabaran ekonomi, sosial dan kebudayaan dengan jangkaan peningkatan KDNK 5.2 peratus kadar tahunan. Dalam rangka mencapai perancangan besar ini Malaysia juga menyasarkan untuk menjadi negara industri dan bergerak pantas ke arahnya. Peluasan kegiatan ekonomi ini menyebabkan negara memerlukan tenaga buruh tambahan berjumlah tiga juta untuk bersedia memenuhi pasaran tenaga buruh tempatan. Akibat daripada faktor penarik seperti pembangunan pesat ekonomi Malaysia berakibatkan peningkatan drastik jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI) yang masuk ke negara ini dan mereka dengan mudah mengisi kekosongan keperluan tenaga buruh yang sedia ada.

Antara tahun 2005 hingga 2008 seramai 212 316 orang pendatang asing tanpa izin telah ditahan oleh pihak berkuasa di Malaysia. Malaysia menjadi destinasi yang popular dalam kalangan pendatang tanpa izin terutama di rantau Asia Tenggara. Seperti yang telah dijelaskan, kemasukan pekerja asing tanpa izin mempunyai pelbagai implikasi sosioekonomi dan perundangan berkaitan dengan kesan kehadiran mahupun mengenai hak dan status mereka di negara ini, dan juga mengundang masalah seperti pelibatan dalam jenayah, kesihatan, kemiskinan dan penyakit sosial.

Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini telah mendedahkan bahawa dianggarkan 14 809 atau 39.5 peratus daripada 37 446 banduan yang terdapat di penjara-penjara di Malaysia adalah dalam kalangan pendatang asing yang kebanyakannya tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Oleh itu, kerangka yang komprehensif dengan adunan elemen dasar, perundangan dan pengurusan strategik perlu diwujudkan supaya isu pendatang tanpa izin dapat dikawal dan diuruskan dengan lebih berkesan.

Pada bulan Disember 2006, Syed Shahir, Presiden Malaysian Trade Union Congress atau Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) telah mengesahkan bahawa terdapat kira-kira 1.8 juta pekerja asing berdaftar yang direkodkan dan pada masa yang sama juga mengikut anggaran pihak kerajaan terdapat jumlah yang sama untuk pekerja asing yang tidak berdaftar. Jumlah sebenar pekerja asing yang tidak berdaftar boleh mencecah lima juta orang. Jumlah yang begitu tinggi ini merupakan penyebab utama penggubalan polisi dan perundangan terhadap PATI dilaksanakan, iaitu untuk mengawal migrasi pendatang yang begitu ramai dan luar biasa.

Polisi merupakan satu ketetapan yang dilaksanakan melalui pengurusan dan pentadbiran pemerintah yang dapat menggambarkan hasrat pemerintah dalam sesuatu dasar yang menjadi pegangannya. Polisi ada ketikanya tidak terdapat dalam sesuatu dokumen yang tetap tetapi perlu diselami dan disimpulkan daripada perundangan, peraturan, ucapan menteri, surat pekeliling, dokumen



kementerian dan seumpamanya. Walau bagaimanapun, pada asasnya sesuatu polisi tidak boleh dilaksanakan jika bertentangan dengan peruntukan sesuatu undang-undang.

Kita mengetahui secara jelas polisi kerajaan Malaysia terhadap pekerja asing yang masuk secara sah terkawal melalui perundangan yang bertujuan sama. Permit kerja yang biasanya tidak dimiliki oleh PATI yang menyelip masuk ke negara ini diperuntukkan oleh undang-undang bertujuan untuk mengawal kemasukan pekerja asing. Cara ini bukanlah aneh tetapi banyak digunakan oleh kebanyakan negara di dunia. Setiap pekerja asing yang didapati bekerja tanpa memiliki permit kerja ataupun memiliki permit kerja yang telah tamat tempohnya akan dianggap pekerja ataupun pendatang tanpa izin. Akta Pekerjaan 1955 memperuntukkan kewajiban ini kepada setiap majikan dan perkara ini telah dipanjangkan lagi oleh Akta Imigresen 1959/1963 (Pindaan 2002). Justeru, penting untuk kita menganalisis polisi imigresen di Malaysia bagi pekerja asing yang masuk secara sah ke negara ini dan dengan itu kita dapat memahami mengapakah PATI menimbulkan masalah besar kepada hasrat dan falsafah sebenar pemerintah terhadap pekerja asing.

Polisi imigresen yang terdapat di negara ini adalah dalam tiga bentuk permit seperti yang berikut:

1. Pas lawatan untuk pekerjaan sementara bagi pekerja tidak mahir atau separa mahir.
2. Pas lawatan dalam pekerjaan profesional untuk pekerja mahir.
3. Pas pekerjaan untuk kakitangan ekspatriat.

Apabila memohon permit majikan perlu mengenal pasti bakal pekerja dan menyatakan jenis kerja dan tempohnya. Sudah pastinya juga dengan adanya sistem permit kerja ini kehadiran pekerja asing dapat direkodkan dengan lebih jelas. Majikan juga perlu mengambil butiran mereka seperti umur dan juga negara asal.

Jelas menggambarkan bahawa hasrat polisi ini adalah untuk tidak mengasimilasikan pekerja asing ke dalam masyarakat tempatan ataupun meningkatkan jumlah penduduk dengan cara yang sedemikian. Polisi pengambilan pekerja asing hanyalah bertujuan memperoleh tenaga buruh sementara bagi mengatasi keruncingan yang melanda sektor tertentu di negara ini. Pekerjaan kolar biru biasanya memerlukan jumlah tenaga buruh yang banyak yang tidak mampu ditampung oleh pekerja tempatan yang lebih tertarik ke arah sektor pekerjaan yang lain. Oleh itu, kehadiran PATI

yang banyak bekerja secara haram dan tidak sah tidak membantu hasrat kerajaan, malah mendatangkan banyak kesan negatif jangka panjang sekiranya tidak di atasi secara lebih agresif.

## KERANGKA LEGISLATIF

Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) merupakan kerangka legislatif utama bagi sistem imigresen di Malaysia. Perundangan yang asal ialah Peraturan Imigresen 1963. Perundangan lain yang juga turut digunakan ialah Akta Pasport 1966 (Akta 150) yang memperincikan keperluan berkaitan dengan pasport yang patut berada bersama-sama pembawa apabila memasuki dan meninggalkan Malaysia termasuk memiliki visa yang relevan dengan perjalanan. Perundangan utama yang berkaitan dengan kemudahan penahanan dan penjara-penjara ialah Akta Penjara 1995 (Akta 537), Peraturan Penjara 2000 dan Peraturan (Pentadbiran dan Pengurusan Depot Tahanan) Imigresen 2003. Sehingga kini terdapat perkembangan terbaharu yang berkaitan dengan imigresen dan hal ehwalnya, iaitu Akta yang telah diperkenalkan untuk mengawal masalah pemerdagangan manusia yang dinamakan Akta Antipemerdagangan Orang 2007.

Sekiranya dikaji kandungan akta tersebut, peruntukan akta tersebut tidak menyentuh langsung mengenai pemberian perlindungan yang khas ataupun prosedur yang perlu untuk pemohon perlindungan suaka, pelarian ataupun orang-orang yang diperdagangkan ataupun juga peruntukan khas untuk kanak-kanak dan wanita termasuk wanita yang hamil. Oleh yang demikian mereka yang dikenali sebagai “pelarian” tidak mempunyai apa-apa pengiktirafan mengikut pandangan undang-undang Malaysia walaupun dia mempunyai pengiktirafan daripada United Nations High Commissioner for Refugees (UNCHR). Oleh itu, pelarian dan juga pelindung suaka tertakluk pada Akta Imigresen sepertimana pendatang asing tanpa dokumen yang lain, iaitu sekiranya mereka memasuki atau tinggal di Malaysia, mereka akan bertanggung untuk dikenakan hukuman penjara, rotan, ditahan dan dibuang negeri. Walaupun dengan kekurangan ini mereka yang memperoleh pengiktirafan daripada UNCHR dapat menikmati status asas *de facto* pada peringkat kebangsaan, dan terdapat sedikit toleransi yang diberikan oleh pihak penguat kuasa imigresen di Malaysia. Sebahagian besar daripada tindakan yang telah diambil kadangkala termasuk dalam maksud yang tidak jelas terutamanya selepas Akta Imigresen dipinda pada tahun 2002.

Terdapat hanya satu cara yang digunakan terhadap orang-orang yang diberi status pelarian ataupun pemohon perlindungan suaka, iaitu melalui

pelaksanaan budi bicara oleh menteri di bawah seksyen 55 Akta Imigresen. Seksyen 55 memperuntukkan pihak Menteri boleh mengeluarkan perintah mengecualikan orang ataupun sekumpulan orang, secara mutlak ataupun secara bersyarat daripada dikenakan mana-mana peruntukan Akta tersebut. Permit ini dinamai IMM 13 yang memberikan status pelarian secara *de facto* kepada kumpulan tertentu ataupun orang tertentu dalam tempoh 12 bulan dan boleh diperbaharu dengan bayaran yuran sejumlah RM90/-. IMM 13 ini merupakan sejenis permit pendudukan sementara dan boleh dikeluarkan di bawah mana-mana syarat yang ditetapkan oleh Menteri berkenaan. Syarat-syarat boleh diberikan dalam pelbagai bentuk misalnya sekiranya permit ini membenarkan pemegangnya mendapat akses pendidikan, maka anak-anaknya boleh pergi ke sekolah awam walaupun masih tidak ada koordinasi antara Kementerian Pendidikan dengan Jabatan Imigresen. Dalam banyak keadaan pihak sekolah akan meminta visa ditunjukkan untuk membolehkan anak-anak pelarian bersekolah.

Sehingga kini keputusan menteri tidak pernah dibuat berasaskan maklumat yang diberikan oleh pemohon berkaitan dengan sebab mengapa dia memohon pengecualian. Keputusan biasanya dibuat berdasarkan kriteria yang tidak diketahui dan tidak mungkin akan dapat dicabar oleh pihak yang memohon. Proses ini merupakan suatu pelaksanaan kuasa yang tidak disemak oleh mana-mana pihak dan kadangkala proses IMM 13 telah dihentikan begitu sahaja. Kelemahan sistem IMM 13 ini dicerminkan oleh kehadiran sejumlah besar pelarian Rohingya yang telah lama berada di Malaysia, iaitu lebih daripada 10 tahun. Tindakan untuk mendaftar pelarian ini juga telah dihentikan dan keadaan ini mengakibatkan masalah tersebut tidak dapat diselesaikan.

Hanya melalui tindakan pendaftaran sahajalah pihak kerajaan akan dapat memastikan tidak berlakunya asimilasi kependudukan oleh PATI yang sedang berlaku kini tanpa kawalan. Tidak ramai yang sedar bahawa tujuan undang-undang imigresen diadakan adalah untuk mengekalkan status pekerja asing ataupun status kependudukan yang lain yang perlu ditangani dengan cara pemantauan yang teratur. Wujudnya golongan yang tidak direkodkan atau didokumenkan akan menambahkan lagi masalah sosial yang lain seperti masalah penyakit berjangkit dan juga masalah keselamatan. Tambahan pula asimilasi berlaku secara terlindung kerana ramai pelarian dan juga pelindung suaka ini telah lama tinggal di Malaysia, dapat bertutur dalam bahasa Melayu dan juga bekerja menggunakan kemahiran yang mereka miliki.

## REMEDY DAN SANKSI PERUNDANGAN

Seorang bukan warganegara boleh ditangkap ataupun ditahan di bawah Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) dan boleh ditahan lanjutan untuk tempoh sehingga 14 hari sebelum dibawa ke hadapan seorang majistret. Majistret kemudiannya akan mengeluarkan perintah untuk dia ditahan untuk tempoh selama diperlukan oleh seorang pegawai imigresen ataupun pegawai polis bagi tujuan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah akta ataupun oleh seorang pegawai imigresen untuk membuat soal siasat ataupun mengalihkan (*remove*) orang itu ke tempat lain (Perenggan 51(5) (b)).

Seseorang yang dipercayai boleh dialihkan (*removed*) dan boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai imigresen ataupun seorang pegawai polis kanan dan boleh ditahan di dalam mana-mana penjara, balai polis atau depot imigresen untuk selama tempoh 30 hari sehingga perintah pengalihan dibuat (seksyen 35). Seksyen 34(1) pula memperuntukkan seseorang yang telah diperintah untuk dialihkan dari Malaysia, boleh ditahan untuk tempoh yang perlu supaya urusan untuk pengalihan beliau dapat dijalankan, tetapi orang itu boleh dibebaskan dengan syarat sekiranya suatu rayuan telah dibuat terhadap perintah pengalihan itu mengikut seksyen 33(2). Oleh itu, penahanan boleh menjadi tanpa tempoh dan orang-orang sedemikian boleh ditahan di mana-mana penjara, balai polis ataupun depot imigresen ataupun mana-mana tempat yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

PATI juga biasanya melakukan kesalahan yang menyalahi seksyen 5,6,8,9 dan 15 Akta Imigresen 1959/63 berserta Peraturan-peraturan Imigresen 1963. Antaranya termasuklah masuk dan keluar dari Malaysia melalui jalan yang tidak dibenarkan atau jalan yang tidak diwartakan, masuk dan tinggal di Malaysia tanpa pas atau permit yang sah, masuk dan tinggal di Malaysia setelah pas atau permit dibatalkan oleh Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, tinggal di Malaysia setelah permit dibatalkan atau suatu pas tamat tempoh dan melanggar syarat pas, permit atau pas sempadan. Kesemua kesalahan ini melibatkan hukuman yang agak berat dengan denda setinggi RM10 ribu dan juga hukuman penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya sekali. Hukuman yang paling ringan juga melibatkan denda atau penjara sehingga enam bulan

Kesan yang jelas mengikut undang-undang ini ialah penahanan yang dibuat di mana-mana depot imigresen adalah sah di sisi undang-undang mengikut seksyen 51B. Perintah tahanan yang dibuat secara kuasa eksekutif juga tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah yang bermakna bahawa tidak ada semakan kehakiman yang boleh dibuat terhadap apa-apa dakwaan

penyalahgunaan kuasa. Kuasa perundangan yang diberikan kepada pegawai penguatkuasa adalah agak luas bagi memudahkan penguatkuasaan dijalankan, dengan syarat kuasa tersebut dijalankan secara berhemah dan menghormati prinsip kedaulatan undang-undang (*rule of law*). Dalam prinsip kedaulatan undang-undang itu sendiri termaktub peraturan, iaitu setiap pihak harus diberikan layanan hak sama rata sama ada dari segi hak terhadap prosedur yang betul dan juga dari segi kemanusiaan. Kita juga tidak boleh lupa dengan masalah pengiktirafan hak yang patut diberikan kepada wanita dan kanak-kanak yang tidak berdosa yang menjadi mangsa penyeludupan imigran dan perundangan ini. Walau bagaimanapun tidak bermakna jika kuasa dijalankan dengan cara yang tidak adil dan menyeleweng pihak mahkamah masih boleh menyemak tindakan pihak eksekutif jika terbukti yang telah berlakunya pelanggaran terhadap hak asasi manusia yang amat serius.

Sebagaimana yang kita ketahui wanita dan kanak-kanak sepatutnya diberikan layanan yang berlainan memandangkan mereka merupakan golongan yang lemah dan mudah dianiayai. Pihak berkuasa patut melihat masalah ini dengan lebih mendalam kerana keadaan di depot-depot tahanan imigrasi tidaklah sesuai untuk kanak-kanak terutamanya yang memerlukan makanan yang bersih dan berkhasiat. Malahan, hak kanak-kanak untuk mendapat pendidikan asas juga terabai. Kesemua perkara ini perlu dilihat kerana tempoh tahanan yang lama akan menyebabkan kesengsaraan berpanjangan di sesuatu kawasan yang sempit dan tidak mempunyai aliran udara yang sesuai. Permintaan ini merupakan keperluan asas bagi seorang manusia dan bukannya suatu permintaan yang mewah. Oleh yang demikian, perkara sebegini perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa.

Oleh sebab kedudukan geografi Malaysia juga berada di tengah-tengah negara ASEAN, kawasan ini menjadi lokasi strategik sebagai negara destinasi ataupun transit yang digunakan bagi tujuan pemerdagangan orang. Mengikut laporan Amnesty International, dianggarkan 700 000 orang telah diperdagangkan pada tahun 2004 sahaja setiap tahun bagi tujuan seks. Di Bangladesh, laporan United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF) menyatakan kira-kira 400 kanak-kanak dan wanita menjadi mangsa pemerdagangan setiap bulan yang kebanyakannya berusia antara 12 hingga 16 tahun yang dipaksa bekerja dalam industri seks komersial.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa yang merupakan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ditugaskan memantau piawaian buruh, pengkajian dan perlindungan masyarakat menganggarkan terdapat 12.3 juta orang bekerja sebagai buruh paksa, buruh tebus hutang, buruh paksa kanak-kanak dan abdi seks dalam satu-satu masa dan keuntungan daripada

jenayah keji ini dianggarkan kira-kira ASD44.3 bilion setahun. Malang sekali perkembangan ekonomi dan kemakmuran negara menjadi faktor penarik kepada ramai pendatang asing yang juga membuka peluang kepada peningkatan jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan imigran. Kini, bukan hanya wanita diperlakukan menerusi pengeksploitasian buruh ataupun dijadikan buruh paksa tetapi kaum lelaki juga dianiayai dengan dijanjikan dengan pekerjaan berbayaran lumayan yang palsu semata-mata. Sebaik-baik sahaja tiba di destinasi tenaga kerja mereka disalahgunakan apabila mereka dipaksa bekerja tanpa henti sehingga 18 jam sehari.

Istilah penyeludupan migran dan pemerdagangan orang juga membawa dua maksud yang berbeza walaupun kedua-duanya hampir sama. Pemerdagangan orang bermaksud merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang bagi maksud eksploitasi. Modus operandi sindiket ini termasuklah penggunaan ancaman atau penggunaan bentuk tekanan lain, seperti penculikan, penipuan, kecurangan, penyalahgunaan kuasa, kedudukan berisiko atau rawan dan memberikan atau menerima pembayaran. Pemerdagangan orang ini sering kali dikaitkan dengan aktiviti eksploitasi seksual, buruh paksaan atau khidmat layan paksa dan perhambaan. Perbuatan perhambaan dan buruh paksa dilarang sama sekali oleh Perlembagaan Persekutuan 1957 dalam perkara 6 yang melarang kedua-dua perbuatan yang sepatutnya tidak wujud lagi dalam dunia yang serba canggih dan bertamadun. Perlembagaan Persekutuan merupakan dokumen asas yang terpakai untuk semua orang dan perkara 6 memberikan hak tersebut tanpa diskriminasi.

Penyeludupan migran pula membawa maksud mengatur, memudahkan atau merancang secara langsung atau tidak langsung, kemasukan seseorang secara tidak sah ke dalam atau melalui atau pengeluaran seseorang secara tidak sah dari mana-mana negara yang orang itu bukan warganegara atau pemastautin tetap sama ada dengan mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kemasukan atau pengeluaran orang itu tidak sah. Penyeludupan migran termasuk perbuatan mengangkut, memindahkan, menyembunyikan, melindungi atau menyediakan apa-apa bantuan atau perkhidmatan bagi tujuan tersebut. Walaupun dengan maksud berbeza kedua-dua jenayah ini kait-mengait kerana pada kebiasaannya kes penyeludupan migran berpotensi untuk menjadi mangsa pemerdagangan orang.

Kerajaan telah mengambil langkah proaktif, dan menunjukkan komitmennya membanteras jenayah ini dengan meminda Akta Anti-Pemerdagangan Orang 2007 dengan memasukkan kesalahan penyeludupan imigran untuk dijadikan akta baharu yang kini dikenali dengan Akta

Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 yang dikuatkuasakan pada 15 November 2010. Pindaan juga meningkatkan kadar penalti dan memperkasakan penguatkuasaan. Antara peruntukan yang boleh dikatakan “bertaring” dalam undang-undang ini termasuklah meletakkan kesalahan dan hukuman yang berbeza untuk kanak-kanak dan bukan kanak-kanak (dewasa). Seksyen 12 memperuntukkan bagi kesalahan memperdagangkan orang yang bukan kanak-kanak untuk dieksploitasikan boleh dihukum dengan penjara tidak lebih lima belas tahun (15) dan juga boleh dikenakan denda. Seksyen 13 bagi kesalahan memperdagangkan orang yang bukan seorang kanak-kanak bagi maksud eksploitasi dengan salah satu cara atau lebih seperti yang disenaraikan oleh seksyen berkenaan seperti ancaman, menggunakan kekerasan atau paksaan, pemelarian, penipuan, perdayaan, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan kedudukan orang yang mudah terdedah kepada perbuatan pemerdagangan orang ataupun pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan terhadap orang yang diperdagangkan.

Perbuatan mengeksploitasi diberi perhatian yang lebih serius apabila mengikut seksyen 15 bagi kesalahan mendapatkan keuntungan daripada pengeksploitasian orang yang diperdagangkan jika disabitkan boleh dihukum penjara tidak lebih lima belas (15) tahun dan boleh dikenakan denda lima ratus ribu ringgit tetapi tidak melebihi sejuta ringgit dan boleh dikenakan denda. Unsur-unsur eksploitasi disentuh oleh Akta tersebut menunjukkan yang kerajaan benar-benar ingin membanteras gejala tersebut. Langkah serius kerajaan dalam menangani isu pemerdagangan orang ini telah menaikkan taraf Malaysia ke Tahap (Tier) 2 (Dalam Pemerhatian), iaitu usaha signifikan untuk mematuhi tahap antarabangsa, daripada Tahap 3 (iaitu negara yang tiada usaha untuk pematuhan standard minimum) dalam Laporan Pemerdagangan Orang Amerika Syarikat (TIP) 2010. Laporan TIP ialah senarai kedudukan negara di dunia berdasarkan tahap pematuhan standard minimum dalam memerangi pemerdagangan orang.

Usaha murni seharusnya dipuji, namun isu-isu berkaitan dengan hak asasi manusia juga tidak boleh diketepikan. Walaupun PATI merupakan masalah yang membebankan negara, tidak bermakna segala tindakan yang diambil terhadap mereka boleh dijustifikasikan termasuk melayani mereka secara tidak berperikemanusiaan. Perkara ini sentiasa berlaku di mana-mana negara dan kebanyakannya dipolitikkan untuk meraih simpati dan populariti.

Seyogianya diingatkan bahawa kesemua PATI termasuk pelarian dan pelindung suaka yang berada di Malaysia mempunyai identiti tersendiri di negara masing-masing. Sekiranya pihak berwajib di Malaysia mengambil tindakan yang keterlaluan, hubungan diplomatik antara Malaysia dengan negara-negara yang terlibat akan terjejas. Nama baik Malaysia sebagai negara maju juga akan terpahat sebagai negara yang tidak menghormati hak asasi manusia. Sekiranya perkara ini dianggap remeh maka tidak wujud sebuah organisasi pada peringkat antarabangsa yang mengambil berat mengenai kebajikan orang-orang tidak bernegara dan juga pelarian seperti Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi pelarian (UNCHR). Tindakan deportasi dan menyediakan kemudahan sebelum deportasi merupakan tanggungjawab negara transit walaupun agak membebankan dari segi kewangan dan kos. Malaysia perlu menjelaskan perkara ini dengan pihak Bangsa-Bangsa Bersatu dan Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNCHR) agar dapat menangani masalah global tersebut dengan lebih berkesan.

Menyedari adanya persepsi negatif penduduk tempatan terhadap pelarian dan pelindung suaka, pihak UNCHR telah mengambil inisiatif melalui Dana Perlindungan Sosialnya (SPF) untuk bekerjasama dengan berbagai-bagai komuniti pelarian yang berada di Malaysia. Persepsi negatif rakyat tempatan terhadap pendatang asing menimbulkan kekeruhan hubungan antara kedua-dua pihak. Pihak UNCHR pula tidak ingin perkara ini menjadi lebih serius. Projek yang menyokong kehadiran bersama-sama secara harmoni kedua-dua komuniti tempatan dan asing telah dirancang seperti bergotong-royong membersihkan kawasan kejiranan dan program rukun tetangga yang dapat mengurangkan keretakan hubungan tersebut. Malahan, usaha seperti ini membawa mesej bahawa pendatang asing bukan merupakan ancaman kepada rakyat tempatan. Ternyata projek sebegini mendapat reaksi positif daripada penduduk di komuniti berkenaan kerana ada yang memberikan sokongan kepada gotong-royong dengan menyediakan sarapan, minuman dan juga menyertai projek berkenaan.

## **KESIMPULAN**

Pihak penyelidik berpendapat bahawa kerajaan masih mampu berusaha gigih untuk menangani masalah PATI termasuk pemerdagangan orang dan penyeludupan imigran dengan lebih berkesan dan dengan itu juga menangani masalah kedatangan PATI ke negara ini. Usaha yang dilaksanakan ada yang telah menunjukkan kesan seperti proses pemutihan PATI dan program



penyelesaian menyeluruh PATI (6P) apabila mereka yang berdaftar dengan program ini akan ditempatkan dengan majikan yang sah. Proses pemutihan juga mengambil kira keperluan tenaga mereka di sektor tertentu. Usaha ini juga berasaskan tindakan berperikemanusiaan kerana ramai antara mereka telah ditipu oleh ejen dan syarikat penyumberan luar. Agak sukar juga apabila tindakan penguatkuasaan dilakukan, pihak berwajib negara berkenaan campur tangan dan mendesak agar proses pemutihan dijalankan. Pelan Tindakan Kebangsaan Antipemerdagangan Orang pula menetapkan hala tuju dan fokus dalam usaha mencegah dan membanteras gejala pemerdagangan orang. Pelan yang dirangka bagi tempoh lima tahun (2010-2015) itu merupakan usaha murni kerajaan untuk bukan sahaja mematuhi standard antarabangsa tetapi juga untuk membanteras jenayah kejam ini dan seterusnya menjaga nama baik dan imej Malaysia di mata dunia.

## RUJUKAN

- AHM Zehadul, Mohd Asri Abdullah and Mohd Isa Bakar, 1999. *Foreign Workers in Malaysia: Issues and Implications*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Akta Imigresen 1959/1963 (Akta 155) dan Peraturan-Peraturan Lembaga Penyelidikan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran*, 2007. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Akta Pekerja*, 1955. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Akta Penjara*, 1995. (Akta 537). Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Appleyard, R., 1989. "International Migration Concept" dlm. Appleyard, R (ed). *The Impact of International Migration on Developing Countries*. Paris: OECD.
- Arnold Wolfers, 1962. *Discord and Collaboration: Essays on International Politics*. London: J. Hopkins Press.
- Aswatini Raharto, 2002. "Indonesian Female Labour Migrants: Experiences Working Overseas (A Case Study Among Returned Migrants in West Java)". Kertas kerja dibentangkan di The 2002 IUSSP Regional Population Conference on Southeast Asia's Population in a Changing Asian Context. Bangkok, Thailand, 10-13 June 2002.
- Castells, M., 1997. *The Power of Identity*. Blackwell. Oxford.
- Hugo, G.J., "Indonesian Labor Migration to Malaysia; Trends and Policy

- Implications” dlm. *Southeast Asian Journal of Social Science* 21:1, hlm. 36-72, 1993.
- Kanapathy, V., 2006. “Migrant workers in Malaysia: an overview”. Kertas kerja dibentangkan di The Workshop on an East Asian Cooperation Framework for Migrant Labour, Kuala Lumpur, Malaysia, 6-7 Disember.
- Kanapathy, V., 2008. “Controlling Irregular Migration: The Malaysian Experience”. Kertas kerja dibentangkan di Regional Symposium on Managing Labour Migration in East Asia at Singapore.
- Kicinger, Anna, 2004. “International Migration as a Non-Traditional Security Threat and the EU Responses to this Phenomenon”. Kertas kerja dibentangkan di The 7th New Faces Conference: Competitive or Complementary? NATO and EU Security Within An Ever Larger Europe, Berlin, 8-10 Oktober 2004.
- Liow, J.C., 2000. “Malaysia’s Approach to Indonesian Migrant Labour” dlm. Mely Caballero-Anthony, Ralf Emmers and Amitav Acharya (eds.) *Non-Traditional Security in Asia: Dilemmas in Securitization*. Hampshire: Ashgate Publishing Limited.
- Lin Mei, 2006. “A Study on Indonesian Labour Migrants in Malaysia” dlm. *Institute of Chinese Study Working Paper Series No. 2006-11*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ramasamy, P., 2004. “International Migration and Conflict: Foreign Labour in Malaysia” dlm. Aris Ananta and Evi Nurvidya Arifin (eds.) *International Migration in Southeast Asia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- “Pelancong Asing Pembawa HIV” dlm. *Utusan Malaysia*, 2 Februari 2002.
- “Pendatang Asing Guna Dokumen Palsu Mohon Tentera” dlm. *Berita Harian*, 14 Mei 2008.
- “RM 30.2 Juta Kos Usir PATI” dlm. *Utusan Malaysia*, 11 Disember 2009.
- Shuto, M., 2006. “Labour Migration and Human Security” dlm. Harald Kleinschmidt (ed.) *Migration, Regional Integration and Human Security: The Formation and Maintenance of Transnational Spaces*. Hampshire: Ashgate Publishing Limited, 205-224.
- Wan Marzuki. “Kebanjiran Pendatang Tanpa Izin Perlu Kawalan Drastik” dlm. *Utusan Malaysia*, 8 Julai, 2008.
- Weiner, M., 1990. *Security, Stability and International Migration*. Cambridge: MIT Center for International Studies.
- Zulaity Zulkiffli. “RM 11.6 Juta Kos Pengusiran PATI Tahun Lalu” dlm. *Utusan*

*Malaysia*, 3 April 2009.

Zulaity Zulkifli. "Estimate of HIV Carriers" dlm. *New Strait Times*, July 30, 1992.

Zulaity Zulkifli. "Pekerja Ladang Kurang Sedar Bahaya HIV" dlm. *Utusan Malaysia*, 2 Mei 2008.